

KARTINI Aboo Talib @ Khalid
MUHAMMAD HELMY Abd. Gapar
AHMAD MUNAWAR Ismail
Universiti Kebangsaan Malaysia

EKSTREMISME: MAKSUD DAN KONTEKS KEGANASAN

EXTREMISM: THE MEANING AND CONTEXT OF VIOLENCE

Istilah dan maksud ekstremisme atau keganasan melampau adalah debat yang masih belum selesai. Hal ini adalah disebabkan secara operasi, istilah dan maksud perkataan ini turut terangkum di dalamnya ideologi, perbuatan, kategori, tindakan dan keputusan, serta aktiviti yang dianggap boleh menjurus ke arah keganasan fizikal, atau ideologi yang mendorong kepada perbuatan ganas. Artikel ini membincangkan maksud dan konteks keganasan yang perlu difahami dalam kalangan himpunan peristiwa keganasan yang mempunyai kontruksi definisi yang berbeza. Artikel ini membahaskan pengaruh lokal amat penting dalam memberi tafsiran keganasan secara konseptual. Beberapa peristiwa keganasan dibincangkan di peringkat antarabangsa dan ekstremisme di Malaysia adalah suatu yang di luar kelaziman radikalisme, fundamentalisme, puak pelampau, dan sebagainya. Peristiwa keganasan etnik hanya berlaku pada tahun 1969 dan pengalaman keganasan etnik ini mengubah pendekatan negara untuk mengelakkan peristiwa ini daripada berulang. Zaman penjajahan Jepun (1940-1942) menjadi titik tolak kepada punca keganasan kaum di Tanah Melayu yang berkait dengan konflik Sino-Malay sebagai fasa pertama dalam sejarah pembinaan negara. Konflik etnik ini menjadi asas kepada keperluan mentafsir istilah dan maksud keganasan berdasarkan peristiwa lalu dan realiti semasa yang melatarkan keperluan kepada menjaga keharmonian pelbagai kaum. Mekanisme dan strategi mencegah, mengawal dan membasmi keganasan diusahakan sebagai langkah mengekang keganasan daripada berulang atau meluas. Teknik 'process tracing' digunakan bagi mengenal pasti peristiwa lalu dan menghubungkan beberapa peristiwa penting sebagai faktor yang menghasilkan keganasan dalam pelbagai konteks. Kaedah kualitatif ini sangat berguna bagi pengoperasian bahan-bahan sekunder.

Kata kunci: *Etnik; Konflik; Ekstremisme; Mekanisme; Konsep*

The term and definition of extremism or extreme violence are debatable and unresolved. Operation wise, this term consists of ideology,

action, decision, and activities from the oblivion mind to harmful physical effect as tangible exhibits. Categorization of extremism now includes the hatred statement made online through social media. This article discusses the meaning and contexts of extremism through the collection of violence events which result in various forms of violence. The local settings are essential in defining extremism. Extremism in Malaysia is peculiarly out of common radicalism, fundamentalism, terrorism, etc. The only violence event that occurred in our history was the ethnic riot in 1969 that forged the state to implement a top-down approach in ensuring such conflict will not recur. Thus, the state's apparatus for governance and development is utilized to ensure social mobility achieved entirely. Japanese occupation in Malaya (1940-42) marked the first phase for Sino-Malay conflict over the years before the tragedy of 1969. Thus, ethnic conflict is the basis and precedence for interpreting extremism's context and conflict in Malaysia. Mechanisms and strategies to prevent, control, and exterminate any form of extremism are needed based on historical fact and contemporary reality of society to counter extremism in our community. A process tracing technique is utilized to connect instances from history as a cause that produces extremism in various contexts. This qualitative method is advantageous to materialize the secondary data.

Keywords: *Ethnic; Conflict; Extremism; Mechanism; Concept*

Pengenalan

Istilah ekstremisme masih menjadi perdebatan dari segi kerangka dan bagaimana ia boleh dioperasi dalam menghuraikan perbuatan ganas yang dilakukan, sama ada secara individu mahupun berkumpulan. Kata akar ekstrem berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *extreme*, yang membawa maksud kewujudan sesuatu dalam tahap tinggi atau melampau. Sementara ekstremisme atau *extremism* memberi laluan kepada makna “ism” yang berdiri sebagai ideologi untuk menggambarkan kualiti sesuatu keadaan yang berada pada tahap tinggi atau melampau. Ekstremis atau *extremist* pula merujuk seseorang yang berpegang pada pandangan atau ideologi yang melampau dan kemudiannya diterjemahkan melalui tindakan yang fanatik, radikal, dan dogmatik.

Berdasarkan penerangan kata akar ini, dapat ditekuni bahawa maksud ekstremisme melibatkan pandangan atau ideologi, perbuatan atau tingkah laku melampau individu mahupun berkumpulan yang mempunyai kecenderungan yang merosakkan individu, masyarakat, dan institusi. Pandangan dan tingkah laku melampau oleh individu atau kumpulan melampau ini mempunyai motif

tertentu dan sering kali meninggalkan kesan negatif kepada masyarakat. Maka disebabkan hal tersebut, gelaran radikal dan fanatik atau ketaksuban ini membimbangkan keselamatan negara. Tindakan puak pelampau seringkali dilihat membawa mudarat yang boleh membunuh masyarakat dan melumpuhkan negara.

Artikel ini mengupas maksud dan konteks ekstremisme dengan membincangkan definisi, jenis keganasan, dan bentuk tindakan ganas yang sangat terikat dengan konstruksi Barat. Kelompokan ini dibahas dengan menonjolkan bahawa kategori dan jenis keganasan amat dipengaruhi oleh faktor lokal dan konteks sejarah lalu yang membentuk ekstremisme. Sifat keganasan itu tidak bertukar menjadi ganas dan membinasakan secara serta merta tetapi melalui susur masa yang terpisah atau berkait sebelum ianya meletus menjadi ganas. Tambahan lagi, perbincangan ekstremisme dalam bentuk dorongan idea yang mempengaruhi emosi individu atau kumpulan yang akhirnya mendorong mereka bertindak ganas masih belum dibahas dengan mendalam. Bibit-bibit keganasan dalam bentuk idea yang menggalakkan tindakan radikal dan ganas masih tetap tergolong sebagai ekstrem.

Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan teknik *process tracing* yang diperkenalkan oleh Tilly¹ dan dilestarikan oleh Collier dalam menggunakan kelebihan data sekunder untuk mengenalpasti indikator yang menjadi punca kepada sesuatu permasalahan.² Himpunan peristiwa lalu dijadikan bahan yang boleh diolah sebagai faktor yang menjadi sebab dan akibat kepada sesuatu fenomena sosial berlaku termasuk elemen multidimensi yang mencetuskan implikasi fenomena tersebut. Bersesuaian dengan teknik *process tracing*, kajian ini telah mengenalpasti himpunan beberapa peristiwa penting yang menjadi penyumbang kepada maksud keganasan melampau dan bagaimana terma dan makna keganasan melampau sangat bergantung kepada interpretasi siapa atau organisasi mana yang berkuasa. Himpunan peristiwa lalu menggambarkan maksud keganasan yang berbeza dari kelaziman dan kelebihan ini dirujuk untuk mengkategorikan keganasan melampau, bentuk kolektif atau individu, dan impak yang terhasil termasuk strategi yang digunakan.

Artikel ini membahaskan bahawa maksud keganasan harus mempertimbangkan konteks dan elemen lokal yang mempengaruhi sesuatu peristiwa ganas yang mencipta *precedent* keganasan. Teknik perbandingan atau relatif tidak boleh dijadikan asas ukuran dalam melihat pelbagai bentuk keganasan kerana metodologi perbandingan memerlukan unsur struktural yang sama sebelum perbandingan boleh dilakukan, contohnya membandingkan buah kelapa dengan kelapa atau buah limau dengan limau. Penggunaan 'process tracing' dalam kajian ini adalah untuk membuktikan bahawa himpunan beberapa peristiwa keganasan memperlihatkan konteks dan tafsiran yang

berbeza. Maka makna, perlabelan dan konteks keganasan adalah konstruksi sosial yang sangat terikat dengan kearifan lokal yang perlu diperincikan.

Konsep dan Definisi

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu³ (PBB) merupakan antara badan dunia yang aktif membincangkan pelan tindakan bagi mencegah keganasan. Pelan tindakan ini dibentuk hasil daripada beberapa siri perbincangan dan mesyuarat dalaman antara agensi-agensi dan Jawatankuasa Keselamatan PBB sama ada di peringkat pusat, rantau, atau global, yang kemudiannya menyumbang kepada usaha mencegah keganasan serta bersedia membantu negara ahli dalam membina pelan tindakan di peringkat nasional.⁴ PBB melihat kemunculan organisasi pengganas seperti *Islamic State of Iraq and the Levant* atau ISIL⁵, Al-Qaeda⁶, dan Boko Haram⁷ ialah penyebab yang mencipta imej ganas dan melampau yang telah memberi kesan drastik terhadap masyarakat di dunia dan mencabar perkongsian makna keamanan, keadilan dan maruah manusia.

Pendekatan PBB yang melihat kepada DDR⁸ iaitu *Disarmament, Demobilization, Reintegration* adalah usaha kepada mengurangkan peperangan atau penggunaan senjata api; mendorong perubahan daripada perang kepada aman; dan berusaha ke arah penyatupaduan di peringkat global dan rantau.⁹ Pendekatan DDR ini telah digunakan dengan kerjasama agensi keselamatan diperingkat antarabangsa seperti *African Union Mission in Somalia* (AMISOM) di Somalia, *International Security Assistance Force* (ISAF) di Afghanistan, dan *Operational Serval* di Mali. DDR di Somalia telah bekerjasama erat dengan kerajaan Somali dan AMISOM untuk menyelaras aktiviti dan operasi Program Nasional bagi mengubah sikap dan pandangan pejuang-pejuang Somali yang sebelum ini merupakan ahli dalam organisasi pengganas Al-Shabaab. Begitu juga dengan usaha mengurangkan bilangan ahli pejuang Forces Démocratiques de Libération du Rwanda (FDLR) dari anggaran 25,000 orang pada tahun 2002 kepada 1,500 ahli.¹⁰

Kewujudan DDR dalam operasi pengaman PBB hanya diaktifkan bertugas di kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan konflik yang jelas menampakkan bahawa keamanan tidak boleh dicapai melainkan bantuan DDR PBB ini. Keadaan berkonflik dilihat sebagai suatu tarikan magnet yang membuka ruang dan peluang kepada organisasi pengganas atau individu pengganas dari luar untuk melancarkan siri serangan ganas. Melihat latarbelakang situasi konflik ini, DDR diharap boleh membantu mengubah sikap dan pendirian pejuang yang terlibat dengan organisasi pengganas dan menolak kaedah ganas sebagai jalan penyelesaian konflik. Namun begitu masa depan DDR ini tidak dapat dipastikan kerana konteks dan bentuk keganasan tidak hanya terikat pada maksud fundamentalisme semata-mata. Tambahan lagi, tindakan sukarelawan dalam DDR boleh berubah kepada suatu bentuk kuasa autoriti yang akan membangkitkan persoalan dari segi perundangan,

kesahan operasi dan implikasi strategik PBB dalam menyelaraskan bantuan keamanan disesebuah negara atau rantau yang berkonflik.¹¹

Sehingga 7 April 2016, keputusan mesyuarat PBB di Geneva mencapai kata sepakat bahawa tiada persetujuan diperoleh dalam mendefinisikan keganasan melampau (*violent extremism*). Namun Majlis Keselamatan PBB merujuk resolusi 2176 tahun 2014 sebagai asas untuk memberikan gambaran maksud keganasan melampau iaitu:

“...something conducive to terrorism, sectarian violence, and commission of terrorist acts”

UN Resolution 2176 (2014)

Dengan kata lain, sesuatu yang cenderung kepada terrorisme, pegangan fahaman ganas, dan mandat melakukan tindakan ganas maka ia adalah keganasan melampau. Tambahan kepada hasil mesyuarat ini juga turut menggariskan punca-punca yang mendorong kepada perilaku yang bertindak ganas melampau iaitu:

- a. Kemiskinan dan Institusi pendidikan yang lemah terutama di kawasan luar bandar Kekurangan peluang sosio-ekonomi seperti ketiadaan hak setara dan peminggiran berterusan adalah sumber kepada keganasan yang akhirnya mencari saluran untuk meluahkan rasa kesengsaraan dan ketidakadilan dengan membalas dendam
- b. Penggunaan agama sebagai suatu konteks untuk memberi justifikasi ketidakadilan dan merasakan agama yang dianuti telah disalaherti oleh dunia yang memberi tekanan dengan segala bentuk kekejaman.
- c. Perubahan suhu dan cuaca dunia atau *climate change* juga adalah punca kepada keganasan yang mengekang pembangunan, akhirnya digunakan sebagai alasan peminggiran pembangunan yang menggerakkan tindakan ganas berlaku.

Sementara itu, Scarcella et al.¹² (2016), Wilson & Piazza¹³ (2013), Borum¹⁴ (2012), Meisels (2009)¹⁵ menggalurkan beberapa pandangan yang mengumpulkan beberapa konsep dan memberi definisi terhadap kerangka konsep secara ringkas dengan mengukur beberapa perkara dalam maksud tahap elemen keganasan yang dimaksudkan. Penjelasan ini mempunyai persamaan, perbezaan, dan maksud yang bertindan lapis.

- a. *Extreme* atau pelampau

Menyatakan secara vokal penentangan aktif terhadap nilai-nilai asas termasuk demokrasi, peraturan undang-undang, kebebasan individu, toleransi dan hormat-menghormati terhadap perbezaan agama dan kepercayaan. Situasi melampau ini memperlihatkan luahan rasa benci dan tentangan pelampau terhadap perbezaan nilai dan kepercayaan agama, ideologi dan budaya sesuatu komuniti tersebut.

b. Terrorisme

Menggunakan tindakan dan pendekatan ganas untuk mencapai matlamat politik. Tindakan dan pendekatan ganas ini digunakan tanpa perlu sokongan rasmi atau pengesahan rasmi daripada mana-mana badan institusi. Tindakan ganas ini tidak semestinya dilakukan secara berkumpulan kerana keputusan individu untuk bertindak ganas meletakkan tanggungjawab itu ke atas pelaku tersebut dengan membawa motif masing-masing. Pendekatan ganas yang dibawa oleh pengganas masih berteraskan matlamat politik dan kebanyakan gerakan pengganas ini membuat pengesahan rasmi apa-apa perbuatan ganas yang dilakukan seolah-olah mereka selaku sebuah pertubuhan secara berani mengisytiharkan perbuatan mereka sebagai lambang keberanian kolektif.

c. Fundamentalisme

Mempercayai bahawa hanya ada satu sahaja kepercayaan agama yang sempurna iaitu ia mengandungi nilai-nilai asas yang benar, akar kehidupan sebenar, kebenaran yang tiada tolok banding, dan mempercayai bahawa kepercayaan agama yang dianuti membawa asas ilmu yang benar tentang kemanusiaan dan kedewaan. Ketaksuban terhadap kepercayaan agama yang dibawa berada pada suatu tahap yang amat tinggi sehingga menafikan kewujudan kepercayaan agama lain dan memasang niat untuk menghapuskan kepercayaan-kepercayaan agama lain yang dianggap tidak benar dan menyesatkan manusia.

d. Radikalisasi (radicalization)

Melibatkan individu atau kumpulan yang mengambil pendekatan melampau dalam politik, sosial dan agama sebagai aspirasi kepada tindakan keterlaluan sama ada menerima atau menolak *status quo*, idea atau perspektif semasa, ekspresi kebebasan dan orientasi. Tindakan keterlaluan ini sering kali dilihat sebagai perbuatan '*anti-establishment*' dan mahukan perubahan pantas untuk menolak sesuatu yang tidak disukai atau memaksa secara melampau sesuatu yang disukai. Tahap melampau ini boleh terjadi kepada perkara yang dibenci atau yang disukai.

e. Authoritarianisme

Badan berkuasa yang mentadbir secara melampau dengan pelaksanaan dasar pemerintahan yang dilihat zalim serta tidak berkelayakan untuk mentadbir terutama sekali bila regim tersebut adalah yang menentang kebebasan individu dari segi berfikir dan bergerak. Regim yang cenderung kepada pelaksanaan keras dan tegas terutama dalam menekan hak-hak asasi manusia adalah regim yang bertepatan dalam gambaran authoritarian atau diktator. Pemerintahan regim dalam bentuk authoritarian ini berkecenderungan untuk bertindak ganas.

Maksud dan istilah keganasan seringkali dirungkai dalam dimensi situasi atau *situational* bergantung kepada peristiwa semasa kejadian itu berlaku sedangkan ada kalanya keganasan boleh berlaku dalam dimensi yang berasingan, berterusan dan saling berkait. Keganasan adalah suatu tragedi yang berlaku dalam susurmasa tertentu yang mungkin terpisah atau saling berkait. Ia boleh bergerak dan berkesinambungan ke suatu susur masa yang lain. Misalnya, keganasan Zionis¹⁶ ke atas penduduk Palestine sudah berlaku selepas Perang Dunia Kedua hingga kini. Ia menunjukkan keganasan yang terancang dan berterusan. Sebaliknya konflik 13 Mei adalah kemuncak daripada rentetan himpunan peristiwa sejak zaman pendudukan Jepun yang akhirnya berjaya diurus dengan baik selepas Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan untuk merapatkan jurang kelas sosial dan ekonomi. Peristiwa ini hanya berlaku pada dimensi tertentu dan Malaysia, secara relatifnya masih dalam keadaan aman. Kaedah mendefinisikan keganasan dalam bentuk kategori yang dinyatakan oleh UN dan Scarcela et al., Wilson & Piazza, Borum, Meisels tidak memberikan jawapan tuntas tentang proses keganasan yang berlaku di dunia ini.

Rapoport¹⁷ berpendapat bahawa terdapat empat jenis gelombang bagi menjelaskan terrorisme moden. Susur masa yang memperlihatkan jenis era keganasan ialah pertama gelombang anarki yang bermula di Rusia pada 1880an dan tersebar hingga ke Eropah. Pandangan Marx and Engels menerusi penerbitan *Communist Manifesto* telah menggesa revolusi radikal berlaku oleh golongan kelas pekerja atau proletariat. Gerakan kelas pekerja ini menyebabkan berlaku rusuhan dan menggunakan pendekatan demonstrasi sebagai saluran menyatakan bantahan. Misalnya di Chicago Amerika Syarikat, rusuhan Haymarket Square pada 1886 telah menyebabkan tujuh (7) orang pegawai polis dan empat (4) orang perusuh mati di tempat kejadian apabila polis melontar bom bagi meredakan rusuhan. Pertubuhan pekerja yang memulakan demonstrasi ini dianggap penganjur yang bertanggungjawab, seramai lapan orang yang dipertanggungjawabkan telah disabitkan kesalahan dengan empat daripadanya telah dijatuhkan hukuman gantung. Era ini digelar '*dynamite era*' dalam melatarkan peristiwa gerakan buruh di Amerika Syarikat.

Gelombang keganasan kedua ialah era gerakan anti-kolonial yang memaparkan peristiwa yang berlaku selepas Perang Dunia Pertama dan Kedua. Gerakan nasionalis menentang penjajah Barat di kebanyakan benua

dilihat oleh Rapoport sebagai menepati elemen keganasan kerana golongan nasionalis ini membawa misi dan bertindak ganas bagi mempertahankan apa yang dianggap milik mereka dengan mempertahankan tanah air, keluarga dan harta.

Gelombang keganasan ketiga ialah revolusi sosial yang terarah kepada gerakan anti-fasis, anti-kapitalis, anti-sosialis yang berlaku secara retorik kerana gerakan penentangan ialah pertembungan intra-ideologi antara pengikut atau ahli yang mendokong ideologi tersebut. Misalnya di Jerman Timur, faktor kepuakan atau *faction* dalam Red Army menyebabkan mereka saling berantakan dan menentang organisasi komunis. Runtuhnya Tembok Berlin pada 1989 menyaksikan pergolakan dalaman Parti Komunis dan penentangan rakyat yang mula mempersoal ideologi kesaksamaan komunis yang menghalang kemajuan dan tidak progresif. Pada asasnya, ideologi sosialis meramalkan kemusnahan sistem kapitalis dan kelas masyarakat, tetapi pergolakan dan penentangan dalaman sosialis lebih menjurus kepada tindakan ganas yang kolektif untuk menentang sosialis.

Gelombang keganasan keempat ialah keganasan agama yang melumpuhkan kedutaan Amerika Syarikat di Tehran, Iran, yang dilakukan oleh kelompok fahaman Syiah pada 1979. Sehingga kini, keganasan golongan fundamentalis dikritik sebagai suatu gerakan ganas yang menjadikan agama sebagai mekanisme menarik hati para pengikutnya. Misalnya, ketua gerakan fundamentalis Yahudi (Jewish Fundamentalist), Yigal Amir telah mengupah pembunuh upahan daripada puak fundamentalis Yahudi untuk melaksanakan misi pembunuhan yang disasarkan kepada Perdana Menteri Israel, Yitzhak Rabin pada 1995. Tindakan tersebut dilakukan sebagai respon balas ke atas tindakan Rabin yang menganggotai Rundingan Oslo.¹⁸ Pihak fundamentalis Yahudi menganggap rundingan tersebut mengkhianati Bangsa Yahudi kerana salah satu syarat dalam Rundingan Oslo adalah penempatan meletakkan pasukan keselamatan untuk menjaga sempadan Israel. Hal ini yang dirasakan oleh Yigal Amir sebagai sesuatu perkara yang membahayakan keselamatan penduduk Yahudi Israel.¹⁹

Selain itu, peristiwa letupan gas sarin di stesen bawah tanah di Tokyo pada 1995 oleh golongan fundamentalis agama yang diketuai oleh Aum Shinrikyo. Kelompok fundamentalis ini terdiri daripada mereka yang mengamalkan ajaran teologi *Aum Supreme Truth* yang diasaskan oleh guru Shoko Asahara. Justifikasi letupan dengan menggunakan gas sarin ini dipercayai oleh pengikut Asahara sebagai perjuangan kebenaran yang menjangka kiamat semakin tiba dan tindakan mereka membolehkan pengikut ajaran ini mati dahulu kemudian dilahirkan semula sebagai Nabi Isa yang menyelamatkan dunia dan manusia.²⁰

Susur masa gelombang keganasan yang dibahas oleh Rapoport adalah berasaskan beberapa peristiwa tertentu dan ia masih belum sempurna untuk menceritakan keganasan atau ekstremisme. Rapoport tidak mengambil

kira peristiwa Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua sebagai suatu peristiwa keganasan sedangkan kedua-dua peristiwa perang dunia ini adalah keganasan yang ditaja oleh negara dan institusi. Impak kepada kedua-dua Perang Dunia ini telah mengubah sejarah dunia dari segi biografi, demografi dan geografi dunia. Perubahan biografi boleh dilihat hasil daripada kesan penjajahan Barat yang mengubah sebuah masyarakat *homogenous* kepada *heterogenous* atau perubahan negara daripada monarki kepada demokrasi; impak demografi boleh dilihat melalui kemasukan tenaga buruh asing yang dibawa oleh penjajah ke negara-negara yang dijajah bagi mengaut hasil sumber bumi negara seperti bijih, getah, rempah ratus, sutera, dan sebagainya; kesan geografi boleh dilihat misalnya dalam peristiwa Perjanjian Siam-Inggeris 1909 yang telah melukis sempadan dengan meletakkan daerah Yala, Pattani dan Narathiwat ke dalam jajahan Siam tanpa merujuk kepada Sultan-Sultan Melayu mengakibatkan penduduk Melayu kini menderita di bawah pemerintahan Siam.²¹ Sungai Golok yang hanya sekangkang kera dijadikan sempadan negara yang memisahkan Tanah Melayu dengan Siam dan penderitaan etnik Melayu Islam di Selatan Thailand berterusan kesan daripada proses asimilasi Siam menerusi dasar *Rathaniyom* yang diperkenalkan pada tahun 1938 telah memaksa etnik bukan Siam menukar nama, bertutur dan mengamalkan budaya Siam sahaja sebagai identiti bangsa Siam. Tindakan ini telah mencemar dan mencabar kesucian Islam bagi bangsa Melayu yang kini duduk dalam jajahan takluk Siam.²²

Jenis Keganasan

Beberapa jenis atau bentuk keganasan dibincangkan bagi memperincikan konteks keganasan. Pertama, situasi perang sering dilihat sebagai suatu yang ditaja oleh negara kerana pengisytiharan perang dilakukan oleh negara ke atas negara yang dianggap pesaing atau musuh. Ketiga peperangan, segala bentuk keganasan termasuk pembunuhan secara kolektif tanpa mengira tentera dan orang awam berlaku. Konteks peperangan tidak boleh diasingkan sebagai suatu konteks yang berbeza kerana impak tindakan ganas melalui peperangan yang ada kalanya disokong oleh negara-negara bersekutu seolah-olah memberi legitimasi keganasan adalah suatu tindakan akhir yang perlu bagi tujuan mengekang kerosakan yang lebih besar.

Waltz²³ dan Buzan²⁴ berhujah bahawa perang adalah suatu yang tidak dapat dielakkan berasaskan beberapa andaian bahawa pertama, tiada sebuah kerajaan dunia yang mengetuai dunia kerana setiap negara mempunyai kerajaan masing-masing. Maka, semua negara mempunyai keupayaan menggunakan kekuasaan terhadap negara lain. Waltz dan Buzan turut menambah bahawa tiada negara yang boleh memberi jaminan bahawa mereka tidak akan menggunakan kekuasaan ke atas negara lain dan seterusnya menggandakan semua negara mempunyai matlamat menjaga kedaulatan, kepentingan dan autonomi

domestik. Tambahan lagi, justifikasi kepada perang juga boleh berlaku sebagai suatu helah bagi mengelak kehancuran negara diperingkat domestik dengan mengalihkan isu dalaman ke luar bagi menyatukan masyarakat dan negara.

Kedua, tindakan ganas oleh pegganas yang wujud secara kolektif sama ada dalam bentuk sebuah pertubuhan yang merancang tindakan ganas sebagai *modus operandi* membantah tindakan pemimpin, agenda negara atau apa saja sebab yang membolehkan justifikasi tindakan ganas berlaku kerana merasa mereka tidak dilayan dengan baik dan menekan kebebasan hidup mereka sebagai manusia. Dalam konteks lain, pertubuhan ini juga mungkin terancam disebabkan kegiatan *underground economy* yang dijalankan seperti mafia, kongsi gelap, *yakuza*, *triads*, dan lain-lain yang seringkali berlaku kes keganasan yang berakhir dengan pembunuhan.

Tambahan kepada tindakan ganas oleh pegganas secara kolektif ini boleh dilihat melalui pertubuhan yang dilabel sebagai fundamentalis yang melancarkan gerakan ganas sebagai respon terhadap penolakan umum tentang pegangan agama atau ideologi yang didokong oleh organisasi tersebut. Dalam konteks ini seringkali tindakan ganas yang dilakukan oleh golongan fundamentalis keliru untuk dibezakan dengan gerakan pemisah yang tertekan dengan tindakan kejam negara. Gerakan fundamentalis melancarkan keganasan atas nama pegangan agama dan kepercayaan bahawa nyawa mereka adalah pengorbanan besar demi agama. Sementara Gerakan pemisah yang didorong oleh usaha mendapatkan pengiktirafan kemerdekaan dan identiti bangsa. Walaupun gerakan pemisah melibatkan keadaan ganas dan berdarah, ia digerakkan atas usaha menuntut apa yang dipercayai sebagai hak rakyat dan bangsa itu sendiri.

Selain organisasi mafia, kongsi gelap, fundamentalis, terdapat juga organisasi radikal yang mempertahankan alam sekitar atau haiwan yang bergerak secara kolektif melakukan penentangan secara ganas terhadap institusi kerajaan yang dianggap tidak menyokong pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dan habitat haiwan yang menjadi penyebab kepada kepanasan global, kemusnahan hutan, dan sebagainya.²⁵ Gerakan kumpulan *eco-terrorism* ini melakukan penentangan dengan mengikat diri dipokok yang dijangka akan ditebang, melobi dan melakukan demonstrasi, menghantar ikon atau selebriti dunia sebagai jurucakap menyelamatkan habitat haiwan yang terancam.²⁶ Teknik ini walaupun tidak dilihat ganas, tetapi memberikan impak yang besar terhadap perubahan paradigma mengenai penjagaan alam sekitar yang melatarikan pendekatan radikal dan ganas.

Ketiga, keganasan struktural (*structural violence*) melibatkan institusi sosial yang menghalang sesebuah komuniti mendapat keperluan asas. Bentuk keganasan ini boleh dilihat melalui pengalaman kaum kulit hitam di Afrika yang berhadapan dengan sistem apartheid. Sistem ini telah menafikan hak asasi mereka sebagai manusia dan mendiskriminasi mereka melalui sistem institusi. Penafian hak dan diskriminasi ini berlaku selama berkurun sehingga

ia ditamatkan dengan pembebasan Nelson Mandela sebagai simbol kebebasan daripada sistem apartheid yang kejam dan ganas.

Keempat, *interpersonal violence* atau keganasan interpersonal berlaku dalam keluarga atau ikatan kekeluargaan yang memberikan impak kepada hubungan ibubapa dan anak-anak dalam jangka masa pendek dan panjang. Contoh tindakan ganas ini termasuk layanan buruk terhadap anak-anak sama ada anak yang mempunyai hubungan biologi atau anak angkat, keganasan kepada remaja, warga tua, dan kekasih yang turut melibatkan penderaan ganas secara fizikal, lisan, dan mental.

Jenis keganasan yang kelima ialah keganasan domestik yang seringkali merujuk dominasi gender ke atas gender yang lain; sama ada lelaki keatas wanita dalam hubungan kekeluargaan atau tanpa ikatan. Tindakan ganas yang dihipunkan dalam keganasan domestik ini ialah penderaan fizikal, seksual, tindakan pengasingan, penderaan lisan atau kata-kata, menggunakan kaedah menakut-nakutkan yang mengganggu emosi, menggunakan keistimewaan sebagai lelaki untuk mendominasi dan mengawal sesuatu hubungan, dan penderaan ekonomi dengan mengeskloitasi pendapatan bulanan isteri, kekasih, atau individu yang tinggal serumah untuk kepuasan diri sendiri.

Post²⁷, Benigni et al.²⁸, dan Bright²⁹ memerhatikan bahawa bentuk keganasan alaf baharu selain bentuk fizikal dan ideologi ialah keganasan dalam talian (online terrorism) melalui penggunaan media sosial sebagai tapak pertemuan secara maya, menarik dan mengambil ahli baharu, dan memasarkan propaganda diseluruh dunia menerusi rangkaian dalam talian. Pengaruh media sosial telah berjaya mewujudkan golongan *homophily* yang menghimpunkan mereka yang berkongsi ideologi yang sama. Media sosial juga menyumbang kepada *fragmentation of ideology* atau pepecahan secara berkelompok pemikiran-pemikiran kiri dan radikal. Perkembangan dengan skala secara besar-besaran, bebas tanpa sempadan, dan sukar dikawal ini ialah keganasan bentuk baharu yang seharusnya merisaukan dunia. Hal ini bermakna dengan rangkaian keganasan secara maya, arahan untuk melakukan keganasan boleh dilakukan secara bergerak dan di mana-mana tanpa dijangka. Pertubuhan keganasan menerusi rangkaian jaringan ini mempunyai golongan yang bersimpati dengan perjuangan mereka dan penganas tidak semestinya ahli tetapi sesebuah pertubuhan sebaliknya kerja-kerja keganasan boleh diupah untuk dilaksanakan di lokasi yang dikehendaki.

Tindakan ganas dan melampau

Menelesuri tindakan ganas dan melampau, dunia menyaksikan kekejaman dan keganasan boleh berlaku secara kolektif dengan memperoleh legitimasi di peringkat antarabangsa misalnya menerusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Presiden Bush Jr. dan pentadbirannya mendapat persetujuan dan sokongan daripada beberapa negara anggota dan bertindak sebagai ‘polis

dunia' dan membuat tuduhan palsu bahawa Iraq menyimpan senjata pemusnah dunia serta melindungi golongan pengganas. PBB digunakan sebagai platform bagi memberi legitimasi tindakan dunia menghapuskan mana-mana negara yang ditafsirkan sebagai pengganas menurut definisi Amerika Syarikat dan sekutunya. Kini dunia mengecam tindakan ganas PBB yang diketuai oleh Amerika Syarikat menyerang Iraq dan membunuh lebih daripada 650,000 rakyat Iraq yang tidak berdosa, menghancurkan infrastruktur negara, masyarakat, dan serangan bom kimia turut memberikan impak jangka panjang kepada masyarakat dan usaha membina semula negara Iraq.³⁰ Kegagalan PBB memberikan jaminan keselamatan dan keamanan dunia turut melebar ke konflik etnik di Bosnia-Herzegovina, Rwanda, Syria, dan sebagainya.

Dalam meneliti sorotan kajian, kes melibatkan terrorisme, gerakan puak pemisah, keganasan strategik seringkali muncul di rantau Timur Tengah, Amerika Syarikat, Ireland Utara, dan Eropah. Misalnya, di Timur Tengah sering kali dilabel sebagai kawasan panas yang melindungi puak pengganas, terutamanya selepas kejadian serangan Menara Berkembar dan Pentagon pada 9 November 2011 di New York, Amerika Syarikat.³¹ Timur Tengah juga dituduh melindungi gerakan Mujahidin yang bergerak sebagai askar jihad Islam yang masuk membantu negara-negara Islam yang berhadapan dengan konflik; selain itu di Utara Ireland perang separatisme disebabkan mazhab berbeza antara Katolik dengan Protestan masih berterusan dalam fasa yang berbeza dan konflik ini tidak pernah dilabelkan Barat sebagai ganas atau suatu gerakan fundamentalisme; di Amerika Syarikat isu perkauman paling kerap timbul dan label kepada keganasan hanya diujulkan apabila ada kejadian tembak yang melibatkan orang yang namanya ala-Arab yang diandaikan beragama Islam. Sebaliknya kegiatan tembak dan bunuh secara rawak oleh orang kulit putih tidak pula penjenayah yang ditangkap disebut agamanya dan diandaikan membunuh atas motif yang berkaitan dengan kepercayaan agama pembunuh tersebut.

Contoh kejadian di atas menunjukkan bahawa istilah keganasan dilabelkan mengikut interpretasi kepentingan Barat yang sentiasa memandang Islam sebagai fahaman yang ganas. Barat juga memilih untuk tidak memberi maklum aspek agama dan kepercayaan seseorang pengganas jika mereka itu adalah sebangsa dengan mereka seperti peristiwa Timothy McVeigh, yang meletupkan bangunan kerajaan Persekutuan di Oklahoma City pada 1995 dengan menggunakan bom buatan sendiri dan telah mengorbankan 168 orang termasuk lelaki, wanita dan kanak-kanak³²; kejadian tembak secara rawak oleh Stephen Paddock di Mandalay Bay, Las Vegas Amerika Syarikat yang mengorbankan lebih seribu nyawa orang awam³³; pembunuhan di gereja Charleston South Carolina oleh penembak Dylan Roof berusia 21 tahun (berfahaman *White Supremacist*) telah mengorbankan sembilan (9) ahli kariah gereja berbangsa kulit hitam.³⁴ Insiden ini adalah antara beberapa peristiwa di Barat yang boleh disorongkan untuk pembaca menilai bahawa konstruksi

sosial tentang keganasan dikuasai oleh media Barat dan keputusan berada ditangan mereka sama ada untuk bersifat telus atau memilih hanya yang baik untuk Barat dan yang buruk untuk Islam.

Keganasan etnik di Malaysia

Di Malaysia kronologi sebenar konflik *Sino-Malay* atau Cina-Melayu yang tercetus pada 13 Mei 1969³⁵ bukanlah bermula mengikut urutan peristiwa yang berlegar sekitar tahun 1960-an sahaja seperti sambutan Hari Hartal³⁶, bantahan hukuman bunuh 11 ahli parti komunis, dua peristiwa konflik kaum yang tercetus di Singapura pada tahun 1964; tetapi harus ditelusuri peristiwa pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu (8 Disember 1941 hingga 15 Februari 1942). Cheah berhujah bahawa konflik etnik antara Cina dengan Melayu pada tahun 1969 bukanlah konflik yang pertama berlaku. Beliau menjelaskan lagi bahawa zaman pendudukan Jepun memperlihatkan impak hubungan yang tegang antara etnik Cina dengan Melayu.³⁷ Ia merupakan kesan penjajahan Jepun yang membezakan layanan terhadap kumpulan etnik. Parti Komunis Malaya (PKM) dan gerakan anti-Jepun menghasilkan suatu fenomena anti-tesis apabila pembentukan Kesatuan Melayu Muda (KMM) mengambil pendekatan menyokong Jepun. Dua gerakan radikal ini membawa matlamat kemerdekaan Tanah Melayu dengan ideologi dan mekanisme yang berbeza. Pertembungan PKM dan KMM ini meningkatkan rasa prejudis serta ketegangan antara Cina dengan Melayu.

Kekejaman tentera Jepun melalui beberapa peristiwa pembunuhan beramai-ramai etnik Cina di Sook Ching Singapura; Kota Tinggi, Benut, dan Gelang Patah di Johor; Kuala Pilah, Parit Tinggi, dan Joo Loong Loong (kini dikenali sebagai Titi) di Negeri Sembilan; dan Tanjong Kling di Melaka memberikan impak yang sangat terkesan kepada etnik Cina di Tanah Melayu.³⁸ Tambahan pula terdapat anggota *Kempetai* Jepun yang dipilih dalam kalangan orang Melayu bekerjasama dengan pihak Jepun menambah rasa ketegangan dan kebencian masyarakat Cina terhadap orang Melayu sebaik sahaja pendudukan Jepun berakhir dengan tindakan Amerika Syarikat menjatuhkan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki. Berakhirnya Perang Dunia Kedua meninggalkan kesan besar dalam hubungan antara etnik di Tanah Melayu tambahan lagi apabila berhadapan dengan ancaman komunis atau parti politik yang berideologi sosialis.

Era selepas tamatnya pendudukan Jepun menyaksikan Tanah Melayu berhadapan dengan ancaman komunis kesan kejayaan revolusi Parti Komunis China yang didokong oleh Mao Tse-Tung yang turut mempengaruhi gerakan komunis di Tanah Melayu melalui Parti Komunis Malaya (PKM) dan Pasukan Bintang Tiga. Tanah Melayu melalui zaman darurat berpuca daripada pemberontakan bersenjata yang dicituskan oleh PKM setelah gagal memperoleh objektif membentuk negara komunis menerusi perubahan perlembagaan.³⁹

Sejarah menyaksikan beberapa pertempuran antara tentera dan polis Melayu di bawah penjajahan British dengan melakukan beberapa tindakan menghalang pengaruh komunis di Tanah Melayu daripada terus tersebar termasuk tindakan pemimpin negara mengisytiharkan komunis sebagai musuh pertama negara, melakukan perang psikologi dengan menyebarkan maklumat tentang bahaya komunis melalui pesawat udara dan helikopter, pengisytiharan kawasan hitam, dan Rancangan Briggs melalui penempatan kampung-kampung baru bagi orang-orang Cina dengan kawasan yang lebih tersusun dan mudah dikawal akhirnya berjaya mengalahkan PKM dan darurat ditamatkan pada 31 Julai 1960 serta memaksa mereka berundur ke Thailand.⁴⁰

Secara umum, sejarah keganasan yang boleh ditelusuri di Malaysia sangat terkait dengan keganasan menentang penjajah, komunis, dan konflik Melayu-Cina. Impak kepada kesan penjajahan turut meletakkan asas kepada ketegangan kaum dan ini meninggalkan kesan besar dalam merungkai konteks keganasan di Malaysia yang berbeza dengan keganasan di peringkat antarabangsa yang melibatkan kekerapan pengulangan, bentuk, dan punca kepada keganasan. Kejayaan Malaysia memastikan keamanan terlangsung secara relatif lebih aman berbanding Sri Lanka⁴¹ ialah suasana kesepaduan sosial yang dimiliki dengan usaha urus tadbir pembangunan yang berterusan. Keadaan ini telah berjaya memastikan mobiliti sosial masyarakat berlaku dipelbagai peringkat dan berterusan yang membolehkan rakyat hidup secara harmoni dan meneruskan usaha mencapai kehidupan yang lebih baik.⁴²

Mekanisme Pencegahan Keganasan

Keganasan atau *terrorism* adalah suatu fenomena yang jarang berlaku kerana walaupun terdapat banyak orang yang bersimpati dengan penderitaan sesebuah komuniti yang ditindas, atau berkongsi pandangan dan matlamat politik atau nilai-nilai murni, bersetuju dengan pegangan radikal dengan kumpulan pelampau, tetapi masih ramai yang rasional dan tidak mementingkan masuk mengangkat senjata menjadi pejuang atau pengganas.⁴³ Individu yang mengambil keputusan untuk menyertai organisasi pengganas mempunyai motif yang sama untuk menyertai organisasi biasa iaitu tertarik dengan misi dan visi organisasi, dipujuk oleh rakan-rakan atau ahli keluarga, terpicat dengan pegangan spiritual, emosi, atau teruja dengan pulangan hasil material yang diperolehi jika menjadi ahli. Kesemua elemen yang melibatkan psikologi sosial, dinamika pertubuhan, dan keadaan sosial yang memberi keuntungan sama ada secara fizikal dan rohani adalah elemen yang hadir sebagai faktor yang mendorong individu menyertai mana-mana organisasi.⁴⁴

Hanis⁴⁵ mengulas kajian yang dilakukan oleh IMAN iaitu sebuah badan organisasi bukan kerajaan yang aktif menjalankan penyelidikan mengenai masyarakat, agama dan persepsi. Kajian mengenai kecenderungan tingkahlaku ganas dalam kalangan belia Malaysia melibatkan 1,139 responden

berada dalam lingkungan usia 18 -35 tahun di kawasan Lembah Klang dan Sabah. Hasil kajian mendapati bahawa kecenderungan tingkahlaku ganas belia adalah lebih kuat dalam konteks budaya atau *ethnocentrism* berbanding agama. *Ethnocentrism* dalam kajian ini melihat ciri perkauman dan sentimen rasis adalah tinggi dan merbahaya dalam kalangan belia. Kajian ini secara tidak langsung mengeneppikan andaian bahawa agama mendorong belia untuk cenderung bertingkahlaku ganas. Keperluan kepada integrasi pelbagai kaum adalah penting di Malaysia bagi meminimakan tindakan rasis ini. Selain itu, faktor *manipulative* yang terkait dengan *psychopath* juga menyumbang kepada tingkahlaku ganas belia. Masalah kemurungan yang berpunca dari pelbagai faktor kesihatan mental dan sosial-ekonomi kehidupan belia juga mendorong belia yang terlibat bertindak ganas.

Stern⁴⁶ berpendapat bahawa keadaan sosioekonomi yang baik dan progresif membolehkan pendidikan digunakan sebagai usaha mencegah keganasan. Dalam kata lain saluran pendidikan yang wujud dalam negara yang mempunyai sosioekonomi yang baik menyukarkan ia digunakan sebagai saluran menyemai ideologi keganasan. Sebaliknya jika sosioekonomi sesebuah negara adalah lemah, risiko pendidikan diguna sebagai saluran menyalurkan idea penentangan dan radikal boleh berlaku. Tambahan lagi, negara yang gagal atau '*a failed state*' lebih mudah terdedah untuk menjadi sumber atau tapak organisasi pengganas beroperasi.

Usaha mencegah atau melawan keganasan adalah penting untuk menghalang keganasan daripada berulang atau memastikan keganasan dibanteras. Penyediaan mekanisme mencegah juga wujud sebagai pengajaran kepada masyarakat dan negara terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku. Impak peristiwa atau tragedi yang melibatkan keganasan bukan sahaja memberikan kesan kepada manusia tetapi turut mengganggu pertumbuhan ekonomi, pelaburan, dan menambah beban kewangan terhadap negara. Beberapa bentuk mekanisme yang membanteras keganasan dinyatakan seperti yang berikut:

- a. Kajian oleh IMAN⁴⁷ memperkenalkan tiga bentuk pendekatan yang berkaitan dengan 'personality trait' sebagai usaha mengurus tingkahlaku ganas belia menerusi tiga cara iaitu:
 - i. Pencegahan: menyediakan progam pendidikan dan pendedahan awal bermula di sekolah rendah; menyediakan latihan 'emphathy' untuk meningkatkan tingkahlaku sosial yang positif dan menurunkan motivasi untuk melakukan keganasan; latihan dan pendidikan mengutamakan kemahiran mengurus rasa *ethnocentrism* dan *manipulative* ini; menyemak semula pendidikan sivik di semua sekolah; dan mengintegrasikan program hak asasi manusia dalam program di semua sekolah.

- ii. Pemulihan: menyemak dan menilai semula program pemulihan yang dijalankan oleh negara di pusat tahanan, penjara dan sekolah pemulihan akhlak. Modul harus seimbang antara pendekatan agama dan kemanusiaan.
 - iii. Pelan Tindakan Nasional: telah dicadangkan oleh IMAN agar bersifat praktikal, terangkum, dan menyeluruh dengan mempertimbangkan pendekatan multidimensi yang boleh melengkapkan pendekatan keselamatan dengan agenda pembangunan.
- b. Stern⁴⁸ menyarankan agar kempen ‘counter-narrative’ terhadap mana-mana kumpulan pengganas atau pencetus keganasan. Usaha membasmi keganasan memerlukan strategi yang bersifat melawan untuk membanteras dengan bantuan media untuk disasarkan kepada orang awam iaitu:
- i. Membesarkan kisah kezaliman yang dilakukan oleh organisasi pengganas dengan memaparkan kisah ngeri dan kejam akibat menyertai kumpulan pengganas ini.
 - ii. Bertindak untuk ‘deradicalization’ iaitu jika agama digunakan untuk menarik minat orang ramai menyertai organisasi pengganas, maka pendidikan agama juga digunakan melalui sekolah dan pusat komuniti untuk mengajar masyarakat membaca dan memahami interpretasi ajaran agama yang sebenar oleh agamawan yang pakar dan bertauliah
 - iii. Menonjolkan sifat hipokrasi organisasi pengganas yang mengeksploitasi pengikut baru dan ahli-ahli mereka dengan kezaliman seksual, penderaan fizikal, menjadi hamba seks, dan sebagainya. Strategi ‘deranged double standard’ ini harus diperkukuh dalam kepercayaan orang awam.
 - iv. Menguar-uarkan secara umum, kerap dan konsisten matlamat organisasi pengganas yang bertujuan menghancurkan agama, negara dan masyarakat.
 - v. Bertindak agresif dengan kerjasama syarikat dan penaja sosial media untuk menutup laman media sosial [Facebook, twitter, intagram] kumpulan yang dikenalpasti sebagai pengganas. Melumpuhkan jaringan media dan komunikasi kumpulan pengganas boleh disifatkan sebagai usaha agresif yang perlu dilaksana untuk membanteras pengganas.
- c. Mencegah dan membanteras keganasan melalui pelaksanaan undang-undang bagi memandu hidup warganegara. Jika berlaku konflik, negara boleh menggunakan *apparatus* ini untuk mensabitkan

hukuman mengikut kesalahan yang telah dilakukan. Antara undang-undang yang relevan dalam diskusi keganasan ini ialah:

- i. Akta Pencegahan Keganasan 2015
- ii. Langkah-Langkah Khas terhadap keganasan dalam Akta Negara Asing 2015
- iii. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, [Akta 747]
- iv. Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297]
- v. Kanun Keseksaan [Akta 574]
- vi. Akta Pencegahan Pengubalan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613]
- vii. Akta Pertubuhan 1966
- viii. Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7]

Pada 24 September 2014, Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah meluluskan Resolusi Majlis Keselamatan PBB 2178 (2012) untuk memerangi keganasan dan negara anggota perlu membangunkan pelan tindakan masing-masing. Pelan Tindakan Pencegahan Ektremisme Ganas yang diterima pakai iaitu A/RES/70/254 dipersetujui secara bersama pada 12 Februari 2016 oleh negara-negara anggota PBB. Malaysia telah menyambut baik usaha ini dan melatarkan komitmen melalui perundangan untuk mencegah keganasan.

Sementara di peringkat antarabangsa, terdapat 13 konvensyen dan protokol tentang memerangi keganasan yang mewakili set perundangan antarabangsa yang disepakati untuk menangani keganasan di peringkat antarabangsa. Kini, Malaysia menjadi negara pihak kepada sembilan (9) daripada 13 Konvensyen dan Protokol Antarabangsa tentang memerangi keganasan iaitu:

- i. 1963 *Convention on Offences and Certain Other Acts Committed on Board Aircraft (Tokyo Convention)*
- ii. 1970 *Convention for the Supression of Unlawful Seizure of Aricraft (Hague Convention)*
- iii. 1971 *Convention for the Supression of Unlawful Acts against the Safety of Civil Aviation (Montreal Convention)*
- iv. 1973 *Convention on the Prevention and Punishment of Crime against Internationally Protected Persons, including Diplomatic Agents*
- v. 1979 *International Convention against the Taking of Hostages*

- vi. 1988 *Protocol for the Suppression of Unlawful Acts of Violence of Airports Serving International Civil Aviation, supplementary to the Montreal Convention*
- vii. 1991 *Convention of the Marking of Plastic Explosive for the Purpose of Detection*
- viii. 1997 *International Convention for the Suppression of Terrorist Bombings*
- ix. 1999 *International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism*

Komitmen kepada pencegahan keganasan menunjukkan usaha bersepadu negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Saluran undang-undang dilihat membina asas kepada sesuatu tindakan yang lebih berlegitimasi untuk diimplementasi walaupun keberkesanan adalah suatu konteks yang boleh diperdebatkan. Malaysia telah menunjukkan usaha merealisasikan pencegahan terhadap tindakan keganasan dan telah meletakkan dua dasar penting. Pertama, Dasar Keselamatan Dalam Negeri yang menggalurkan aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam. Kedua, melancarkan Dasar Keselamatan Negara yang digubal di bawah Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [Akta 776]. Dasar ini diperkenalkan sebagai dokumen utama dalam menghadapi pelbagai ancaman keselamatan yang semakin dinamik dan kompleks. Pelaksanaan strategi-strategi utama akan dapat memastikan 9 Nilai Teras Negara⁴⁹ (*National Core Values*) yang tersenarai dalam dasar ini dapat menjadikan Malaysia bebas dari segala bentuk ancaman fizikal dan bukan fizikal yang merosakkan pemikiran rakyat.

Kesimpulan

Ekstremisme atau keganasan mempunyai istilah dan maksud yang boleh dibahaskan, maka panduan atau sumber autoriti di peringkat antarabangsa dan kebangsaan boleh dijadikan rujukan tetapi maksud keganasan harus diperinci sebelum strategi pencegahan atau pembasmian dijalankan. Faktor tempatan dan sejarah yang melakarkan peristiwa keganasan telah diusahakan dengan baik bagi membendung peristiwa keganasan yang melibatkan etnik. Pelabelan keganasan menerusi lensa agama dan etnik secara semborono atau sebagai jalan mudah mencari 'kambing hitam' perlu dielakkan. Pembinaan pelan tindakan pencegahan keganasan yang dituntut oleh PBB hanya boleh dilakukan setelah maksud keganasan dengan konteks kearifan lokal dibincangkan dengan teliti. Kerajaan perlu menyemak semula undang-undang pencegahan sedia ada untuk menilai sama ada pindaan undang-undang wajar dilakukan atau tidak. Tanpa kefahaman tentang konteks sejarah dan elemen lokal yang membentuk masyarakat masa kini, takrifan dan maksud keganasan masih merupakan suatu *enigma*.

Tafsiran terhadap konteks keganasan seharusnya tidak terikat dengan maksud dan pengalaman Barat yang berbeza dengan pengalaman sesebuah negara. Maka, istilah *'one size fits all'* tidak boleh digunakan tanpa penyelidikan terperinci terhadap penggunaan dan kesesuaiannya. Himpunan peristiwa lalu dan semasa perlu dijadikan panduan dalam memformulasikan mekanisme dan strategi pengurusan keganasan bersesuaian dengan keperluan negara serta selari dengan undang-undang dan peraturan semasa. Kupasan setiap peristiwa ganas memberi peluang kepada pembaca memikirkan alat analisis baru dalam merungkaikan maksud keganasan serta mengambil kira siri urutan peristiwa dalam susur masa yang menjurus kepada meletusnya keganasan. Apa yang penting ialah melihat petunjuk lokal sebelum melabelkan suatu peristiwa itu sebagai ganas.

Nota Akhir

1. Tilly, Charles, *Historical Analysis of Political Processes*, USA, Michigan University Press, 1977, hlm. 33-38
2. Collier, David, *Understanding Process Tracing*. PS: Political Science and Politics, 2011, Vol.44 (4), 823-30.b
3. Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang mula dibentuk setelah Perang Dunia II berakhir pada tahun 1945. Penubuhan PBB adalah sebagai satu usaha untuk menggantikan Liga Bangsa-Bangsa yang dilihat gagal menghalang Perang Dunia II daripada berlaku. Dari tahun 1945 sehingga 2006, sejumlah 193 buah negara bergabung dibawah payung PBB. Dari segi fungsi pula, struktur organisasi PBB terpecah kepada enam iaitu Perhimpunan Agung, Majlis Keselamatan, Majlis Ekonomi dan Sosial, Majlis Peramanaan, Majlis Keadilan Antarabangsa, dan juga Sekretariat PBB kini bertapak di New York, Amerika Syarikat. Kesemua struktur organisasi ini memiliki tugas-tugas yang berbeza antara satu sama lain. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Administrative Instruction ST/AI/189/Add.9/Rev.2.
4. Cockayne & Oneil, UN DDR in an Era of Violent Extremism: Is it Fit for Purpose? at. United Nations University UNU-CPR, at https://peacekeeping.un.org/sites/default/files/un_ddr_in_an_era_of_violent_extremism.pdf [9 Disember 2018]
5. *Al-Dawlah al-Islāmiyah fī al-'Irāq wa-al-Shām* atau singkatannya ISIS atau ISIL merupakan sebuah kumpulan pejuang Islam yang aktif di beberapa buah negara di Timur Tengah seperti Iraq dan Syria. Ia dikatakan tertubuh ketika perang antara Iraq dan Amerika Syarikat masih berlangsung, sekitar tahun 2003. Kumpulan ini terdiri daripada beberapa gabungan kumpulan pejuang seperti Al-Qaeda, *Jaysh al-*

Fatiheen, Jund al-Sahaba, Majlis Syura Mujahidin, Katbiyan Ansar Al-Tawhid wal Sunnah, Tentera Mansura dan beberapa lagi kumpulan-kumpulan kecil di sekitar Iraq dan Syria. Matlamat utama berdirinya ISIS (ISIL) adalah untuk menegak dan mendirikan sebuah negara khilafah Islam dan menyebarkan fahaman tersebut ke seluruh dunia. Untuk pengetahuan lebih lanjut, sila rujuk, *Threat Tactics Report: Islamic State of Iraq and the Levant* (2014), Complex Operational Enviroment and Threat Integration Directorate (CTID), atau, Luna Shamieh dan Zoltan Szenes (2015), *The Rise of Islamic State of Iraq and Syria (ISIS)*, Academic and Applied Research in Military Science Vol. 14, No.4, hlm. 363-378.

6. Asal muasal Al-Qaeda dikatakan berdiri sejak tahun 1988. Ia ditubuhkan oleh Usama (Osama) bin Laden selaku pemimpin utama Al-Qaeda. Penubuhan Al-Qaeda khususnya di Afghanistan adalah bertujuan untuk membentuk suatu jaringan kerjasama dengan kelompok ekstrimis Islam di seluruh dunia untuk menjatuhkan rezim Barat yang dianggap 'non-Islam' dan menegangkan panji Negara Islam. Untuk maklumat lanjut, rujuk Christopher M. Blanchard 2007, *Al Qaeda: Statement and Evolving Ideology*, CRS Report for Congress.
7. Boko Haram atau *Jama'atu Ahlis Sunnah Wal Lidda'awati-Jihad* merupakan organisasi militan yang berpangkalan di timur laut Nigeria dan Utara Cameroon. Ia diasaskan oleh Mohammed Yussuf pada tahun 2002. Penubuhan Boko Haram adalah bertujuan untuk menubuhkan sebuah negara Islam yang berpandukan undang-undang Syariah. Rujuk BBC News, *who are Nigeria's Boko Haram Islamist Group?* 24 November 2016. <https://www.bbc.com/news/world-africa-13809501>. [9 Februari 2019]
8. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai DDR, rujuk laman sesawang United Nations, seperti yang telah dipautkan. <https://peacekeeping.un.org/en/disarmament-demobilization-and-reintegration>. [9 Februari 2019]
9. Cockayne, James., and Siobhan O'Neil. UN DDR in an Era of Violent Extremism: Is it Fit for Purpose? at. United Nations University UNU-CPR, 2015 at https://peacekeeping.un.org/sites/default/files/un_ddr_in_an_era_of_violent_extremism.pdf [9 Disember 2018]
10. Ibid
11. Mordi, Emmanuel Nwafor. 'The Western Sahara Conflict: the dilemma of national liberation war, referendum and terrorism in Africa's last colony.' *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 2015, Vol. 42(1): hlm..17.
12. Scarcella A.,Page R, Furtado V. Terrorism, Radicalisation, Extremism, Authoritarianism and Fundamentalism: A Systematic Review of the

- Quality and Psychometric Properties of Assessments. PLoS ONE 11(12):e0166947, <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0166947>, 2016, hlm. 2-5
13. Wilson, Matthew C., and James A. Piazza, 2013, Autocracies and Terrorism: Conditioning Effects of Authoritarian Regime Type on Terrorist Attack, *American Journal of Political Science*, 2013, Vol. 57 (4), hlm. 941-45
 14. Borum, Randy. Radicalization into Violent Extremism 1: A Review of Social Science Theories, *Journal of Strategic Security*, 2012, Vol. 4(4), hlm. 11-14
 15. Meisels, Tamar. Defining Terrorism – a typology. *Critical Review of International Social and Political Philosophy*, 2009, Vol. 12 (3), hlm. 334-349
 16. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, Zionis membawa makna pelaku, pengikut, atau anggota yang menganuti Zionisme, yang merupakan dasar atau pergerakan politik yang bertujuan untuk menegakkan sebuah negara Yahudi di Palestine.
 17. RRapoport, D.C. The four wavces of modern terrorism, Dlm. A. K. Cronin & J. Ludes, (eds.) *Attacking Terrorism: Elements of A grand Strategy* Washington DC: Georgetown University Press, 2004, hlm. 46-48.
 18. Rundingan Oslo 1993 merupakan satu proses perdamaian yang melibatkan Arab-Israel, yang berkaitan dengan Palestin. Ia merupakan satu proses yang merangkumi hubungan diplomatik dan politik bagi menyelesaikan, atau setidak-tidaknya, mengharmonikan hubungan tersebut. Rundingan ini melibatkan beberapa negara-negara yang lain seperti Amerika Syarikat, yang menjadi ‘orang tengah antara Israel dan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) yang dipengerusikan oleh Yasser Arafat, Kesatuan EU, Rusia, dan PBB, dan juga Liga Arab. Rundingan ini dilihat sebagai suatu usaha bersepadu lagi komprehensif agar pelan damai dan kata sepakat melibatkan dunia Arab-Israel dapat dicapai. Rujuk Mohd Roslan dan Siti Zaleha (2015), *Perjanjian Oslo: Kajian terhadap proses damai konflik Arab-Israel*, Jurnal al-Tamaddun Bil 10 (1); hlm 51-69.
 19. Post, Jerrold M. Terrorism and Right-Wing Extremism: The Changing Face of Terrorism and Political Violence in the 21st Century: The Virtual Community of Hatred. *International Journal of Group Psychotherapy*, 2015, Vol. 63(2), hlm..252.
 20. Ibid, hlm. 253
 21. Mohd Hazmi Mohd Rosli. 2016. Kesahihan Perjanjian British-Siam 1909: Apa yang Rakyat Malaysia Perlu Tahu, *Astro Awani* <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesahihan-perjanjian-british-siam-1909-apa-yang-rakyat-malaysia-perlu-tahu-113672> [24 Januari

- 2019]
22. Che Mohd Aziz Yaacob, Isu dan Penyelesaian: Konflik Pemisah Di Selatan Thailand, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 2011, Vol. 38(1), hlm. 15-20
 23. Waltz, Kenneth. The Spread of Nuclear Weapons: More May Better, *Adelphi Papers*, Number 171. London: International Institute of Strategic Studies, 1981, hlm.1-3
 24. Buzan, Barry. Peace, Power, and Security: Contending Concepts in the Study of International Relations, *Journal of Peace Research*, 1984, Vol. 21 (2) Special Issue on Alternative Defense, hlm. 109-125
 25. Bartlett, Jamie. The Next Wave of Extremists will be Green: Militant environmentalism is coming. And we aren't ready for it. *Foreign Policy*, 2017 <https://foreignpolicy.com/2017/09/01/the-green-radicals-are-coming-environmental-extremism/> [28 Januari 2019]
 26. Gregory and Pred (eds.) *Violent Geographies: Fear, Terror and Political Violence*. London: Routledge. 2007, hlm. 309
 27. PPost, Terrorism and Right-Wing Extremism: The Changing Face of Terrorism and Political Violence in the 21st Century: The Virtual Community of Hatred. *International Journal of Group Psychotherapy*, 2015, Vol. 63(2), hlm. 255.
 28. Benigni, Matthew C., Kenneth Joseph., and Kathleen M. Carley. Online Extremism and the Communities that Sustain It: Detecting the ISIS supporting Community on Twitter. *PLoS ONE* 12(12), 2017:e0181405 <https://journals.plos.org/plosone/article?id=10.1371/journal.pone.0181405> [24 Januari 2019]
 29. Bright, Jonathan. Explaining the Emergence of Political Fragmentation on Social Media: The Role of Ideology and Extremism, *Journal of Computer-Mediated Communication*, 2018, 23, hlm. 17-33
 30. Encyclopaedia Britannica: Iraq War (2003-2011), at <https://www.britannica.com/event/Iraq-War> [25 Januari 2019]
 31. Woods, Joshua. The 9/11 effect: Toward A social science of the terrorist threat, *Social Science*, 2011, Vol. 48(1), hlm. 213-233
 32. Gore, Vidal, 2001, The Meaning of Timothy McVeigh, *Vanity Fair*, <https://www.vanityfair.com/news/2001/09/mcveigh200109> [25 Januari 2019]
 33. *BBC News*. 2018, Las Vegas Shooting: Mandalay Bay Hotel Owner Sues 1,000 Victims at <https://www.bbc.com/news/world-us-canada-44859238> [25 Januari 2019]
 34. *NBC News*. 2017. Dylan Roof: Charleston Church Shooter Gets Nine Life Sentences in State Case, at <https://www.nbcnews.com/news/us-news/dylann-roof-charleston-church-shooter-pleads-guilty-state-charges-n744746> [25 Januari 2019]
 35. Jumlah kematian mangsa tragedi Mei 1969 mempunyai beberapa

- perdebatan. Secara rasmi jumlah yang terbunuh ialah lebih 200 orang tetapi beberapa pengkritik menganggarkan jumlah yang terkorban ialah antara 800 hingga 1000 orang. Terdapat pelbagai hujah mengenai faktor terjadinya peristiwa 13 Mei termasuk rasmi, peribadi, dan hujah yang mengaitkan peristiwa ini suatu konspirasi, sila lihat <https://www.thestar.com.my/opinion/columnist/watching-the-world/2008/05/11/may-13-1969-truth-and-reconciliation/#SmsYvmcpY4BOVGD3.99> [20 Januari 2019].
36. Mogok Hartal atau Hari Hartal berlaku pada 20 Oktober 1947. Mogok ini dikelola oleh PUTERA-AMCJA dan mendapat sokongan daripada beberapa pertubuhan politik lain seperti Malayan Democratic Union, Malayan India Congress, Pan Malayan Federation Trade Union, dan beberapa lagi pertubuhan politik yang lain. Mogok ini direncanakan apabila pihak British bertindak menolak Perlembangaan Rakyat yang telah diusulkan. Akibatnya, seluruh sektor perniagaan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu lumpuh kerana menyahut seruan Hari Hartal. Rujuk Ishak Saat (2010), Caturan pelbagai kaum di Tanah Melayu 1946-1957, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 37: hlm 68-85. Atau rujuk dokumentari Fahmi Reza (2007) bertajuk 10 Tahun Sebelum Merdeka di pautan <https://www.youtube.com/watch?v=4Sn3C2QTeRs> [9 Februari 2019].
 37. Cheah Boon Kheng. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya 1941-46*. Singapore: Singapore University Press, 1983: hlm.10-20, hlm. 33-38.
 38. Chen, C. Peter. Invasion of Malaya and Singapore (8 December 1941-15 February 1942), *World War II Database*, 2018 at https://ww2db.com/battle_spec.php?battle_id=47 [25 Januari 2019]
 39. Roslan & Ishak. Operasi Pasukan F Dalam Pembanterasan Parti Komunis Malaya (PKM) di Semenanjung Malaysia. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics, and Strategic Studies*, 2018, Vol. 45 (2), hlm. 78-80.
 40. Ibid; Rahamat Abu Kassim. Darurat di Tanah Melayu 1948-1960: Strategi Parti Komunis Malaya, *Thesis USM* at <http://malrep.uum.edu.my/rep/Record/my.usm.eprints.35916> [20 Januari 2018].
 41. Sirimal Abeyratne. Economic Development and Political Conflict: Comparative Study of Sri Lanka and Malaysia, *South Asia Economic Journal*, 2008, 9 (2): hlm.393-417.
 42. Nidzam Sulaiman, and Kartini Aboo Talib @ Khalid. Will There Be Malaysia Spring? A Comparative Assessment on Social Movements. *Malaysian Journal of Communication*, 2017, Vol. 33 (1), hlm. 43-58.
 43. McCauley, Clark, and Sophia Moskalenko. Mechanism of Political Radicalization: Pathways toward Terrorism, *Terrorism and Political*

- Violence* 20(3), 2008, hlm. 415-433.
44. Ibid, pp. 430; Gambetta and Hertog. *Engineers of Jihad: the curious connection between violent extremism and education*. Princeton, NJ: Princeton University Press, 2016: pp. 20-28; Kruglanski et al. The psychology of radicalization and deradicalization: How significant quest impacts violent extremism, *Political Psychology*, 2014, 35(S1), hlm.69-93.
 45. Hanis Zainal. 2019. Study: Racism, more than religion, leads to violent extremism. *TheStarOnline*, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/01/24/study-racism-more-than-religion-leads-to-violent-extremism/> [31 Januari 2019]
 46. Stern., J. Radicalization to Extremism and Mobilization to Violence: What Have We Learned and What Can We Do About It? *ANNALS, AAPSS*, 668 November 2016, hlm.102-117.
 47. IMAN. 2019. Normative Beliefs About Violence Extremism: A Study on Malaysian Youths, <http://www.imanresearch.com/publications> [31 Januari 2019]
 48. Stern, J. *Annals, AAPSS*, 668 November 2016, hlm.112-113
 49. Sembilan (9) Nilai Teras Negara yang diperuntukan oleh Dasar Keselamatan Negara ialah:
 - a. Nilai Teras 1: Kedaulatan dan Keutuhan Wilayah
 - b. Nilai Teras 2: Kestabilan Sosio-politik
 - c. Nilai Teras 3: Kesepaduan Nasional
 - d. Nilai Teras 4: Tadbir Urus Yang Baik
 - e. Nilai Teras 5: Keutuhan Ekonomi
 - f. Nilai Teras 6: Keadilan Sosial
 - g. Nilai Teras 7: Pembangunan Mampan
 - h. Nilai Teras 8: Keselamatan Rakyat
 - i. Nilai Teras 9: Pengiktirafan Antarabangsa

Rujukan

- Addressing the Drivers of Violent Extremism, 7 April 2016 Geneva at https://www.un.org/counterterrorism/ctitf/sites/www.un.org/counterterrorism.ctitf/files/7April_Amb.Sharma_SessionII.pdf [9 Disember 2018]
- Bartlett, Jamie. 2017. The Next Wave of Extremists will be Green: Militant environmentalism is coming. And we aren't ready for it. *Foreign Policy* <https://foreignpolicy.com/2017/09/01/the-green-radicals-are-coming-environmental-extremism/> [28 Januari 2019]
- BBC News. 2016. Who are Nigeria's Boko Haram Islamist Group? <https://www.bbc.com/news/world-africa-13809501>. [Tarikh Capaian 9 Februari 2019]

- BBC News*. 2018. Las Vegas Shooting: Mandalay Bay Hotel Owner Sues 1,000 Victims at <https://www.bbc.com/news/world-us-canada-44859238> [25 Januari 2019]
- Benigni, Matthew C., Kenneth Joseph., and Kathleen M. Carley. 2017. Online Extremism and the Communities that Sustain It: Detecting the ISIS supporting Community on Twitter. *PLoS ONE* 12(12):e0181405 <https://journals.plos.org/plosone/article?id=10.1371/journal.pone.0181405> [24 Januari 2019]
- Borum, Randy. 2012. Radicalization into Violent Extremism 1: A Review of Social Science Theories, *Journal of Strategic Security*, Vol. 4(4):7-36 DOI: <http://doi.org/10.5038/1944-0472.4.4.1> [25 Januari 2019]
- Bright, Jonathan. 2018. Explaining the Emergence of Political Fragmentation on Social Media: The Role of Ideology and Extremism, *Journal of Computer-Mediated Communication*, 23:17-33
- Buzan, Barry. 1984. Peace, Power, and Security: Contending Concepts in the Study of International Relations, *Journal of Peace Research*, Vol. 21 (2) Special Issue on Alternative Defense: 109-125.
- Che Mohd Aziz Yaacob. 2011. Isu dan Penyelesaian: Konflik Pemisah Di Selatan Thailand, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Vol. 38(1):13-33.
- Cheah Boon Kheng. 1983. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya 1941-46*. Singapore: Singapore University Press.
- Chen, C. Peter. 2018. Invasion of Malaya and Singapore (8 December 1941-15 February 1942), *World War II Database* at https://ww2db.com/battle_spec.php?battle_id=47 [25 Januari 2019]
- Christopher M. Blanchard. 2007. Al Qaeda: Statements and Evolving Ideology. CRS Report for Congress. Foreign Affairs, Defense, and Trade Division.
- Cockayne, James., and Siobhan O'Neil. 2015. UN DDR in an Era of Violent Extremism: Is it Fit for Purpose? at. United Nations University UNU-CPR, at https://peacekeeping.un.org/sites/default/files/un_ddr_in_an_era_of_violent_extremism.pdf [9 Desember 2018]
- Collier, David. 2011. Understanding Process Tracing. *PS: Political Science and Politics*, 44 (4):823-30 <http://polisci.berkeley.edu/sites/default/files/people/u3827/Understanding%20Process%20Tracing.pdf> [2 Februari 2019]
- Complex Operational Environment and Threat Integration Directorate (CTID). Nov 2014. Threat Tactics Report: Islamic State of Iraq and the Levant.
- Dasar Keselamatan Negara. <https://www.mkn.gov.my/media/story/page/Dasar-Keselamatan-Negara.pdf> [25 Januari 2019]
- Encyclopaedia Britannica: Iraq War (2003-2011), at <https://www.britannica>.

- com/event/Iraq-War [25 Januari 2019]
- Gregory, Derek., and Allan Pred (eds.). 2007. *Violent Geographies: Fear, Terror and Political Violence*. London: Routledge.
- Gambetta, Diego, and Stefan Hertog. 2016. *Engineers of Jihad: the curious connection between violent extremism and education*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Gore, Vidal. 2001. The Meaning of Timothy McVeigh, *Vanity Fair*, <https://www.vanityfair.com/news/2001/09/mcveigh200109> [25 Januari 2019]
- Hanis Zainal. 2019. Study: Racism, more than religion, leads to violent extremism. *TheStarOnline*, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/01/24/study-racism-more-than-religion-leads-to-violent-extremism/> [31 Januari 2019]
- IMAN. 2019. *Normative Beliefs About Violence Extremism: A Study on Malaysian Youths*, <http://www.imanresearch.com/publications> [31 Januari 2019]
- Ishak Saat. 2010. Caturan Politik Pelbagai Kaum di Tanah Melayu 1946-1957. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol.37: hlm 68-85.
- Kruglanski, Arie W., Michele J. Gelfand., Jocelyn J. Belanger., Anna Sheveland., Malkanthi Hetiarachchi, and Rohan Gunaratna. 2014. The psychology of radicalization and deradicalization: How significance quest impacts violent extremism, *Political Psychology*, 35(S1):69-93.
- Luna Shamieh & Szenes Zoltan. 2015. The Rise of Islamic State of Iraq and Syria (ISIS). *Journal of Academic and Applied Research in Military Science (AARMS)* Vol. 14, No.4: pg 363-378.
- McCauley, Clark, and Sophia Moskalenko. 2008. Mechanism of Political Radicalization: Pathways toward Terrorism, *Terrorism and Political Violence* 20(3):415-433.
- McCauley, Clark, and Sophia Moskalenko. 2011. *Friction: How Radicalization Happens to them and to us*. New York: Oxford University Press.
- Meisels, Tamar. 2009. Defining Terrorism – a typology. *Critical Review of International Social and Political Philosophy*, Vol. 12 (3):331-351
- Mohd Hazmi Mohd Rosli. 2016. Kesahihan Perjanjian British-Siam 1909: Apa yang Rakyat Malaysia Perlu Tahu, *Astro Awani* <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesahihan-perjanjian-british-siam-1909-apa-yang-rakyat-malaysia-perlu-tahu-113672> [24 Januari 2019].
- Mohd Roslan & Siti Zahela Hamzah. 2015. Perjanjian Oslo: Kajian Terhadap Proses Damai Konflik Arab-Israel. *Jurnal al-Tamaddun* Bil. 10 (1): Hlm 51-69.
- Mordi, Emmanuel Nwafor. 2015. The Western Sahara Conflict: the dilemma

- of national liberation war, referendum and terrorism in Africa's last colony. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Vol. 42(1):1-22
- NBC News. 2017. Dylan Roof: Charleston Church Shooter Gets Nine Life Sentences in State Case, at <https://www.nbcnews.com/news/us-news/dylann-roof-charleston-church-shooter-pleads-guilty-state-charges-n744746> [25 Januari 2019]
- Nidzam Sulaiman, and Kartini Aboo Talib @ Khalid. 2017. Will There Be Malaysia Spring? A Comparative Assessment on Social Movements. *Malaysian Journal of Communication*, Vol. 33 (1):43-58.
- Plan of Action to Prevent Violent Extremism. UN Office of Counter-Terrorism at https://peacekeeping.un.org/sites/default/files/un_ddr_in_an_era_of_violent_extremism.pdf [9 Desember 2018]
- Post, Jerrold M. 2015. Terrorism and Right-Wing Extremism: The Changing Face of Terrorism and Political Violence in the 21st Century: The Virtual Community of Hatred. *International Journal of Group Psychotherapy*, Vol. 63(2):243-271.
- Rahamat Abu Kassim. 2008. Darurat di Tanah Melayu 1948-1960: Strategi Parti Komunis Malaya, *Thesis USM* at <http://malrep.uum.edu.my/rep/Record/my.usm.eprints.35916> [20 Januari 2018].
- Rapoport, D.C. 2004. The four waves of modern terrorism, Dlm. A. K. Cronin & J. Ludes, (eds.) *Attacking Terrorism: Elements of A grand Strategy* Washington DC: Georgetown University Press. (pp. 46-73).
- Roslan Muhamad & Ishak Saat. 2018. Operasi Pasukan F Dalam Pembantaranan Parti Komunis Malaya (PKM) di Semenanjung Malaysia. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics, and Strategic Studies*, Vol. 45 (2): 78-103.
- Sirimal Abeyratne. 2008. Economic Development and Political Conflict: Comparative Study of Sri Lanka and Malaysia, *South Asia Economic Journal*, 9 (2): 393-417.
- Stern, Jessica. 2016. Radicalization to Extremism and Mobilization to Violence: What Have We Learned and What Can We Do About It? *ANNALS, AAPSS*, 668 November: 102-117.
- Scarcella, A., Page R, Furtado V. 2016. Terrorism, Radicalisation, Extremism, Authoritarianism and Fundamentalism: A Systematic Review of the Quality and Psychometric Properties of Assessments. *PLoS ONE* 11(12):e0166947 <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0166947> [5 Februari 2019]
- Tilly, Charles. 1977. *Historical Analysis of Political Processes*. USA: Michigan University Press <https://deepblue.lib.umich.edu/bitstream/handle/2027.42/50924/149.pdf?sequence=1> [2 Februari 2019].
- United Nation Security Council Resolution 2177 S/RES/2177 (2014). <https://>

- www.ifrc.org/docs/IDRL/UN%20SC%20Res.pdf [25 Januari 2019].
- United Nation Security Council Resoulution 2176 S/RES/2176 (2014). <https://www.refworld.org/docid/546f0db24.html> [25 Januari 2019].
- Waltz, Kenneth. 1981. The Spread of Nuclear Weapons: More May Better, *Adelphi Papers*, Number 171. London: International Institute of Strategic Studies DOI: <https://doi.org/10.1080/05679328108457394>
- Wilson, Matthew C., and James A. Piazza. 2013. Autocracies and Terrorism: Conditioning Effects of Authoritarian Regime Type on Terrorist Attack, *American Journal of Political Science*, Vol. 57 (4):941-955 DOI:10.1111/ajps.12028
- Woods, Joshua. 2011. The 9/11 effect: Toward A social science of the terrorist threat. *Social Science*, Vol. 48(1):213-233 [https://doi.org/10.1016/j/sosci.2010.06.001](https://doi.org/10.1016/j.sosci.2010.06.001) [31 Januari 2019]

Nota Biografi

Kartini Aboo Talib @ Khalid (k_khalid@ukm.edu.my) (Ph.D), Penyelidik Kanan di Institut Kajian Etnik (KITA) UKM. Beliau adalah pakar bidang dasar awam dan etnisiti.

Muhammad Helmy Abd. Gapar, (muhammadhelmyabdgapar@gmail.com) pelajar Sarjana Pengajian Etnik dan pembantu penyelidik di Institut Kajian Etnik (KITA), UKM.

Ahmad Munawar Ismail (munawar@ukm.edu.m)y (Ph.D), Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, UKM dan pakar bidang Teologi dan Falsafah Islam.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada dana penyelidikan Cabaran Perdana DCP-2017-009/1 Ekstremisme Agama dan Etnisiti yang telah membolehkan kajian ini dijalankan.